

Ketepikan ego, kawal perbelanjaan

MASYARAKAT perlu membuang ego untuk memiliki barang mewah di luar kemampuan dengan mengawal perbelanjaan agar tidak terasa kekurangan dari segi kewangan dengan pendapatan diperoleh.

Pensyarah Fakulti Keusahawan dan Perniagaan, Universiti Kelantan Malaysia (UMK), **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob (gambar)** berkata,

kebanyakan rakyat negara ini sebenarnya mempunyai pendapatan yang mencukupi tetapi memiliki ego untuk mendapatkan barang di luar kemampuan.

Menurutnya, berbeza pula mereka yang benar-benar miskin iaitu dibawah kadar pendapatan isi rumah tidak mampu untuk mendapatkan barang keperluan apatah lagi barang dikehendaki.

“Ada juga sesetengah mereka yang dikategorikan sebagai miskin bandar walaupun mempunyai gaji besar tetapi tidak mampu mendapatkan keperluan asas mencukupi semua itu mempunyai terma yang berbeza.

“Namun, bagi kategori yang menganggap dirinya miskin disebabkan gagal memenuhi kehendak berlebihan adalah tidak wajar menganggap dirinya miskin tetapi lebih kepada perasaan mahu menunjuk apabila mahu mempunyai lebih daripada apa yang termampu,” katanya kepada **S2** di sini baru-baru ini.

Jabatan Perangkaan mengeluarkan kadar kemiskinan pada 2016 adalah 0.4 peratus iaitu terendah di Asia Tenggara sejak 1970, namun ramai

rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin ‘relatif’ iaitu merasakan dirinya miskin kerana gagal memenuhi kehendak peribadi.

Abu Sofian berkata, menginginkan sesuatu yang baru dan mewah adalah lumrah namun perlu diingatkan bahawa pelbagai faktor perlu diambil kira seperti kesihatan, pekerjaan dan sebagainya yang tidak selalunya ‘cerah’.

“Masyarakat perlu beringat apabila berbelanja, mungkin pada ketika ini mereka masih menganggap dirinya mampu tetapi kelak jika sebarang masalah berlaku kewangan yang ada mungkin tidak mencukupi,” katanya.

Sementara itu, Presiden Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Zulkornain Yusop** berkata, kemiskinan relatif di negara ini turut dipengaruhi oleh sikap masyarakat sendiri apabila ramai yang suka menunjuk-nunjuk kemewahan sehingga mereka bersaing.

Tambahnya, sebagai contoh, ada sesetengah pelajar universiti menggunakan kereta besar manakala individu lepasan universiti dan bekerja lebih 10 tahun masih menggunakan kereta terpakai.

“Senario ini membuatkan mereka berasa tercabar dan mula membeli walaupun tidak mampu.

“Sikap itu menyebabkan ramai yang mengalami masalah kewangan walaupun bergaji ada di antara RM5,000 sebulan namun gagal menguruskan kewangan mereka,” katanya.

